

Tun Mahathir tangguh keputusan beli tanah PKFZ
Utusan Online
October 14, 2011

KUALA LUMPUR 13 Okt. - Bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Effendi Norwawi menyatakan, bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menyemak semula sebelum menangguhkan keputusan yang dibuat seminggu selepas Kabinet bersetuju membeli tanah seluas 335.8 hektar bagi projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) di Pulau Indah.

Saksi pendakwaan ke-16 dalam perbicaraan kes terhadap bekas Menteri Pengangkutan, Tun Dr. Ling Liong Sik sebelum itu memberitahu Mahkamah Tinggi di sini hari ini, Kabinet pada 2 Oktober 2002 telah membuat keputusan dan bersetuju untuk membeli tanah milik Kuala Dimensi Sdn. Bhd. (KDSB).

Namun seminggu selepas itu pada 9 Oktober, menurut Effendi, Kementerian Kewangan melalui perutusan khas memutuskan untuk menangguhkan keputusan pembelian tanah sehingga menerima laporan Kementerian Kewangan yang mahu mendapatkan maklum balas terlebih dahulu daripada Jabatan Peguam Negara.

Menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya, Manoj Kurup, Effendi, 63, berkata, berdasarkan pengalaman beliau, Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan ketika itu boleh berbuat demikian atas nasihat daripada pegawai-pegawai Kementerian Kewangan.

Manoj bertanya adakah kemungkinan terdapat pihak yang telah membangkitkan perkara tersebut, Effendi yang tidak mengingatnya bagaimanapun menyatakan, kemungkinan tersebut tetap ada.

Beliau selain itu berkata, pembelian tanah KDSB tidak berdaya maju disebabkan berhadapan dengan beberapa kekangan justeru itu kementerian berkenaan perlu mengemukakan laporannya dengan segera.

Effendi memberikan keterangan tersebut pada perbicaraan terhadap Liong Sik yang didakwa atas tuduhan menipu Kerajaan Malaysia dengan tidak mendedahkan kepada Jemaah Menteri fakta-fakta berkaitan pembelian tanah membabitkan RM1.08 bilion.

Pihak pendakwaan sebelum ini menyatakan akan membuktikan bahawa kadar yang diperakukan dan dipersetujui oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), adalah RM18 skp dan dinaikkan kepada RM21 skp setelah mengambil kira antaranya bayaran pendahuluan lima peratus, kadar kupon enam peratus dan tiada faedah untuk tahun pertama dan kedua.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Ahmadi Asnawi yang masuk hari ke-22 hari ini bersambung esok.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1014&pub=Utusan_Malaysia&sec=Mahkamah&pg=ma_03.htm